

ANALISIS PENDEKATAN MAQASIDI DALAM EKONOMI ISLAM ARUS PERDANA

AN ANALYSIS OF MAQASIDI APPROACH IN THE MAINSTREAM ISLAMIC ECONOMY

Norashikin Ahmad¹
Mohd Shukri Hanapi²

¹Calon Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
(Email: humaira9011@gmail.com)

²Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
(Email: hshukeri@yahoo.com)

Article history

Received date : 1-8-2021
Revised date : 2-8-2021
Accepted date : 17-9-2021
Published date : 18-9-2021

To cite this document:

Ahmad, N. & Hanapi, M. S. (2021). Analisis Pendekatan *Maqasidi* dalam Ekonomi Islam Arus Perdana. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 61-69.

Abstrak: Kertas kerja ini bertujuan menganalisis pendekatan maqasidi dalam ekonomi Islam arus perdana. Pendekatan maqasidi ialah pendekatan yang dikemukakan oleh ulama terdahulu berasaskan teori maqasid al-syariah. Maqasid al-syariah telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi Islam yang bertunjangkan prinsip menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan. Prinsip ini digunakan dalam ekonomi Islam bagi membenarkan teori konvensional dengan menggantikan teori yang bertentangan dengan syarak atau menukar teori konvensional dengan teori yang mempunyai ciri-ciri Islam. Persoalannya, apakah pendekatan maqasidi? Bagaimanakah pendekatan maqasidi diaplikasikan dalam ekonomi Islam arus perdana? Bertitik tolak dari permasalahan tersebut, kajian ini bertujuan meneliti dua perkara utama. Pertama, mengenal pasti pendekatan maqasidi; dan kedua, menganalisis pendekatan maqasidi dalam ekonomi Islam arus perdana. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa pendekatan maqasidi diguna pakai dalam ekonomi Islam arus perdana melalui proses Islamisasi ilmu ekonomi Islam secara separa. Hal ini disebabkan oleh berlakunya pengubahsuaian terhadap beberapa komponen dalam teori konvensional kecuali prinsip asas, norma, andaian dan hipotesis dikekalkan.

Keywords: Pendekatan, Maqasidi, Ekonomi Islam Arus Perdana, Islamisasi.

Abstract: This paperwork seeks to analyse maqasidi approach in the mainstream Islamic economy. Maqasidi approach is the approach proposed by early Islamic scholars based on the theory of maqasid al-syariah. Maqasid al-syariah has been practised in various disciplines including the Islamic economy which is grounded by the principle of generating the good and disapproving the bad. This principle is used in the Islamic economy in order to approve conventional theories by replacing any theories against syarak or changing conventional theories into the theories with Islamic qualities. The point of issue amounts to

these questions: what is the definition of maqasidi? How is maqasidi approach practised in the mainstream Islamic economy? Taking these problems into account, this study aims to investigate two major issues. First, identifying maqasidi approach; and second, analysing maqasidi approach in the mainstream Islamic economy. This study is a qualitative research which applies content analysis. As a result, this study found that maqasidi approach was approved and practised in the mainstream Islamic economy through the process of partial Islamisation of Islamic economy knowledge. This is due to the modification done on several components in conventional theories with an exception for fundamental principles, norms, assumptions, and hypotheses.

Keyword: Approach, Maqasidi, Mainstream Islamic Economics, Islamization.

Pendahuluan

Maqasid al-syariah merupakan suatu matlamat syarak yang datang seiring dengan syariat untuk memberi kemaslahatan dan menolak keburukan dalam kehidupan. Oleh itu, *maqasid al-syariah* dijadikan sebagai panduan hidup untuk merealisasikan setiap perkara dalam menentukan dasar dan tindakan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Namun begitu, terdapat pendekatan dalam aliran pemikiran yang berbeza dalam memahami *maqasid al-syariah*.

Aliran pemikiran hukum yang pelbagai dalam masyarakat Islam bukan suatu fenomena yang baharu, malah pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW (Majid, 2016). Setiap aliran pemikiran membawa pendekatan yang berbeza dari sudut metod atau fiqh. Hasilnya, lahirlah perbezaan pendekatan pemikiran hukum Islam dalam memahami al-Quran dan Hadith serta melakukan ijtihad.

Begitu juga dalam ekonomi Islam, terdapat pelbagai aliran pemikiran dengan menggunakan pendekatannya tersendiri untuk mencapai tujuan syariah. Persoalannya, apakah pendekatan *maqasidi*? Bagaimanakah pendekatan *maqasidi* diaplikasikan dalam ekonomi Islam arus perdana? Berdasarkan persoalan-persoalan tersebut, maka perbincangan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Pertama, metodologi; kedua, dapatan kajian; ketiga, analisis dapatan dan perbincangan; dan keempat, rumusan.

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kepustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Secara lebih terperinci, sumber data dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data berkaitan pendekatan *maqasidi* dan ekonomi Islam arus perdana. Disebabkan data yang dikumpul adalah terdiri daripada tesis, buku dan jurnal, maka ia dianalisis menggunakan analisis kandungan kualitatif.

Dapatan Kajian

Hasil daripada analisis yang dibuat terhadap data yang dikumpul, kajian ini dapat mengemukakan tiga dapatan utama. Ketiga-tiga dapatan kajian adalah seperti berikut:

Konsep Maqasid Al-Syariah


Maqasid al-syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan *al-syariah*. *Maqasid* ialah maksud atau tujuan. Asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab ialah *qasda*. Ibn Manzur (1993) menyatakan perkataan ini membawa pelbagai makna antaranya menuju, arah,

berjalan lurus, memecahkan, pegangan, punca, kelurusan, keadilan, dan kesederhanaan. Perkataan *qasd* pula bererti tongkat. Kata jamak *maqasid* ialah *maqasid* (al-Fairuz Abadi, 1997).

Perkataan *al-syariah* pula berasal daripada perkataan Arab *syara'*. Menurut *fuqaha'* (ahli fiqh), *syariah* bermaksud hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui hamba-Nya supaya mereka mentaati segala hukum dan peraturan yang terkandung di dalamnya (Markom, 2003). Menurut Ibn Manzur (1993) pula bermaksud menerangkan serta menunjukkan jalan.

Apabila digabungkan perkataan *maqasid* dan *al-syariah* maka terbentuklah istilah *maqasid al-syariah*. Menurut Al-Raisuni (1996), *maqasid al-syariah* ialah matlamat yang ditentukan oleh syarak untuk dilaksanakan bagi memberi kebaikan kepada para hamba-Nya. Al-Alim (1997) pula menyatakan bahawa *maqasid al-syariah* adalah kebaikan yang diperoleh oleh para hamba sama ada dengan cara melakukan perkara kebaikan atau meninggalkan perkara kejahatan. Senada dengan al-Alim (1997) ialah al-Qaradawi (2000) dan al-Ghazali (1996) yang menyatakan *maqasid al-syariah* adalah sebagai tujuan pensyariatan hukum untuk membolehkan manusia mengecapi kebaikan dan menolak keburukan.

Syariat Islam diturunkan semata-mata untuk kesejahteraan manusia (al-Syatibi, t.t). Oleh sebab itu, Islam menggariskan tiga peringkat tahap keperluan manusia iaitu *al-daruriyyah*, *al-hajjiyyah* dan *al-tahsiniyyah* sebagaimana yang dirumuskan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Tahap keperluan dalam *Maqasid al-syariah*

Sumber: Al-Syatibi (t.t) dan al-Ghazali (1996)

Rajah 1 menunjukkan peringkat tahap keperluan manusia dalam *maqasid al-syariah*. Antara ketiga-tiga peringkat tersebut *al-daruriyyah* adalah yang paling utama. Secara lebih terperinci, al-Syatibi (t.t) menyatakan bahawa terdapat lima komponen yang perlu dijaga dalam *al-daruriyyah* iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga keturunan, menjaga harta dan menjaga akal. Kelima-lima komponen ini dikenali sebagai *daruriyyah al-khams*. Meskipun begitu, al-Ghazali (1996) menyatakan bahawa terdapat sebahagian ulama menambah satu lagi komponen iaitu menjaga maruah.

Pendekatan *Maqasid al-Syariah*

Berhubung pendekatan *maqasid al-syariah*, terdapat sorotan kajian-kajian lepas yang membincangkan secara khusus berkenaan pendekatan *maqasid al-syariah*. Antaranya ialah Majid (2015), fokus kajian beliau adalah menjadikan *maqasid al-syariah* sebagai satu pendekatan dalam merealisasikan ajaran Islam di Malaysia.

Terdapat dua pendekatan dalam *maqasid al-syariah* iaitu pendekatan *maqasidi* dan *syakli*. Pendekatan *maqasidi* ialah pendekatan yang memfokuskan kepada objektif berbanding format; dan kedua, pendekatan *syakli* ialah pendekatan yang memfokuskan kepada bentuk atau format. Secara umumnya, pendekatan *maqasidi* bersifat lebih realistik, liberal, progresif dan radikal, manakala pendekatan *syakli* pula bersifat lebih telus, konsisten, tradisional dan konservatif.

Dalam kajian lain, Majid (2016) meneliti pendekatan *maqasidi* dalam menangani kepelbagaian aliran pemikiran hukum di Malaysia. Kajian Majid (2016), dilihat mempunyai persamaan dengan kajian yang dikaji oleh Mansor dan Ramli (2016) yang membincangkan aliran pemikiran hukum Islam semasa. Namun, kajian Mansor dan Ramli (2016) memfokuskan kepada pendekatan *pseudo-maqasid*. Dalam kajian ini, beliau menganalisis pendekatan yang digunakan oleh aliran liberal di samping meneliti konsep *maqasid al-syariah* dan menyoroti sejarah perkembangan ilmu *maqasid al-syariah*.

Seterusnya, Mansor dan Ramli (2016) membuat perbandingan terhadap pendekatan yang diambil oleh pendokong aliran liberal bagi mengenal pasti keabsahan pendekatan *maqasid al-syariah* mereka dalam mengeluarkan hukum. Mansor dan Ramli (2016) merumuskan bahawa pendekatan *pseudo-maqasid* sama seperti pendekatan tafsiran hermeneutika yang didokong oleh golongan liberalisme Islam untuk mengubah struktur keilmuan Islam. Golongan ini cuba mempromosikan pemikiran ini sebagai alternatif yang lebih baik berbanding metodologi *usul fiqh* yang diperkenalkan oleh ulama terdahulu.

Berdasarkan perbincangan berkaitan pendekatan *maqasid al-syariah* sebelum ini, didapati *maqasid al-syariah* dijadikan sebagai suatu pendekatan untuk mencapai tujuan syariat. Namun begitu, pendekatan yang diambil oleh setiap aliran pemikiran adalah berbeza. Oleh itu, perbincangan pendekatan *maqasid al-syariah* yang memfokuskan dalam ekonomi Islam dilakukan bagi mengisi lompang kajian.

Ekonomi Islam Arus Perdana

Dalam ekonomi Islam, terdapat juga aliran pemikiran yang wujud dalam membentuk ekonomi Islam untuk mencapai *al-falah*. Menurut Salleh (2014a) aliran pemikiran kontemporari yang wujud dalam ekonomi Islam terdiri daripada empat corak pemikiran. Pertama, aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan elektisme-metodologik; kedua, aliran pemikiran yang menggabungkan isme-isme lain dengan Islam; ketiga, aliran pemikiran alternatif; dan keempat, aliran pemikiran ekonomi Islam total. Salleh (2014a) juga turut menganalisis keempat-empat aliran pemikiran dalam konteks pembinaan teoritikal ekonomi Islam. Hasil kajian ini mendapati aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan elektisme-metodologik adalah aliran pemikiran yang dominan masa kini telah berkembang di dunia Melayu.

Dalam aliran pemikiran ini, terdapat tujuh kelemahan dalam membina ekonomi Islam sebagaimana yang dikemukakan oleh Salleh (2014b). Kelemahan tersebut dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kelemahan Ekonomi Islam Arus Perdana

Bil	Kelemahan	Huraian
1	Tasawur	Acuan ekonomi Islam arus perdana masih menggunakan acuan ekonomi lazim.
2	Andaian	Andaian konvensional masih lagi digunakan dalam ekonomi Islam arus perdana. Misalnya, sumber alam adalah terhad dan kehendak manusia tidak terhad.
3	Konsep	Konsep yang digunakan tidak lahir daripada Islam.
4	Kaedah penyelidikan	Kaedah penyelidikan yang tidak berasaskan syarak.
5	Operasi	Mekanisme operasi bercampur aduk dengan barat.
6	Matlamat akhir	Matlamat akhir dalam ekonomi Islam arus perdana adalah mencapai <i>al-falah</i> (kebahagian) di dunia dan akhirat. Namun, kebahagiaan di dunia dan akhirat boleh dicapai apabila Allah SWT meredai setiap tingkah laku manusia.
7	Sarjana ekonomi Islam	Halangan beramal dengan apa yang ditulis dalam kalangan ahli ekonomi Islam.


Hanapi (2014) pula mengkaji ekonomi Islam dari sudut tasawur Islam mendapati bahawa hujah yang sentiasa digunakan oleh para pendukung aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik adalah tidak tepat. Antara hujah yang dikemukakan oleh pendukung aliran ini ialah Chapra (2001) dan Ahmed (2002). Chapra (2001) menyatakan ekonomi Islam boleh menggunakan teori-teori ekonomi lazim sekiranya teori-teori ini tidak bertentangan dengan struktur logik pandangan hidup (*worldview*) Islam. Ahmed (2002) pula menjelaskan bahawa ekonomi Islam merupakan gabungan unik antara prinsip syariah dan ekonomi lazim. Menurutnya lagi, selagi konsep dan prinsip ekonomi lazim tidak bertentangan dengan prinsip Islam, maka ia boleh diadaptasi ke dalam ekonomi Islam.

Seterusnya, kajian Hanapi dan Muhammad (2014) pula berkaitan keterhadan sumber alam dalam ekonomi Islam arus perdana berdasarkan tasawur al-Quran. Hasil kajian mendapati bahawa sumber alam berdasarkan tasawur Islam adalah tidak terhad. Ia berasaskan kepada empat faktor. Pertama, konsep rezeki; kedua, konsep barakah; ketiga, kaedah pengagihan semula sumber alam; dan keempat, kaedah penggunaan sumber alam. Dalam kajian lain Muhammad (2016) menyatakan kehendak sering mempengaruhi manusia agar berkehendak dengan cara yang tidak terhad, tetapi tidak terhad secara mutlak. Kehendak hanya boleh dikawal berdasarkan keimanan yang ada dalam diri individu kepada Allah SWT.

Analisis Dan Perbincangan

Secara umumnya, pendekatan *maqasidi* ialah pendekatan yang memfokuskan pencapaian matlamat syariah. Pendekatan *maqasidi* yang diaplikasikan dalam ekonomi Islam adalah dari sudut ingin mencapai tujuan syariat dalam ekonomi Islam. Oleh itu, kaedah Islamisasi digunakan untuk menghasilkan ilmu ekonomi Islam (Rahmawaty, t.t).

Menurut Ahmad (1989) dan Ahmad, et al (2011), proses Islamisasi boleh dilakukan melalui dua kaedah. Pertama, Islamisasi dalam bentuk separa; dan kedua, Islamisasi secara total. Bagi sarjana ekonomi Islam arus perdana yang berpegang kepada pendekatan *maqasidi*, mereka memilih kaedah Islamisasi dalam bentuk separa. Rajah 2 menunjukkan proses Islamisasi dilakukan.



Rajah 2: Kaedah Islamisasi Separa
 Sumber: (Ahmad, 2017)

Rajah 2 mempamerkan proses Islamisasi yang dilakukan secara separa. Ia merupakan proses yang dilakukan untuk mengubahsuai beberapa komponen dalam teori konvensional. Terdapat dua cara untuk mengubahsuai teori. Pertama, menggantikan fakta yang bertentangan dengan syarak; dan kedua, menambah fakta yang bercirikan Islam. Dalam kaedah Islamisasi separa, andaian, norma dan hipotesis yang diguna pakai dalam analisis konvensional masih dikekalkan.

Kaedah Islamisasi ilmu ekonomi sangat mudah dilakukan kerana pengubahsuaian dilakukan ke atas ekonomi konvensional. Islamisasi dilihat lebih mudah kerana para ulamak dan sarjana ekonomi Islam secara bersama dapat mengenal pasti unsur dan prinsip yang bercanggah dengan ajaran Islam yang terdapat dalam ilmu dan sistem ekonomi lazim. Unsur dan prinsip daripada teori ekonomi lazim boleh ditukar. Kemudian diganti dengan teori baru supaya ilmu dan sistem ekonomi yang akan dihasilkan nanti adalah selaras dengan kehendak Islam, manakala unsur dan prinsip yang neutral seperti alat-alat analisis dan prinsip-prinsip ekonomi yang universal akan dikekalkan untuk digunakan bersama-sama dengan unsur dan prinsip baru yang bersesuaian dengan Islam (Ahmad, Ahmad & Wahid, 2011:38).

Dalam perkataan lain, ia juga dikenali sebagai pendekatan akomodatif-modifikasi yang bersifat elektisme metodologik. Misalnya, pandangan yang dikemukakan oleh Manan (1984) menggunakan pendekatan eklektik yang meminjam pemikiran dari ekonomi lazim. Siddiqi (1989) dan Khaf (1987) pula menggabungkan pendekatan ekonomi lazim dengan fiqh. Ia juga dikenali sebagai pendekatan ‘neo-klasikal yang berasaskan fiqh (*fiqh based neo-classical*) yang menjadi aliran dominan dalam ekonomi Islam arus perdana (Salleh, 2014). Pendekatan sebegini dipanggil *maqasidi* kerana sentiasa melihat objektif atau matlamat yang ingin dicapai sahaja. Majid (2014) berpandangan bahawa pendekatan *maqasidi* boleh dilakukan modifikasi sekiranya tidak bertentangan dengan prinsip asal iaitu Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam kertas kerja ini, dapat dirumuskan bahawa ekonomi Islam arus perdana cenderung mengaplikasikan pendekatan *maqasidi*. Pendekatan *maqasidi* ialah pendekatan yang berasaskan teori *maqasid al-syariah*. Pendekatan ini bertunjangan prinsip menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan.

Dalam ekonomi Islam arus perdana, pendekatan *maqasidi* diaplikasikan untuk menggantikan sebarang teori yang bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu, semua unsur dan prinsip dalam ekonomi lazim yang bertentangan dengan Islam boleh ditukar dan diganti dengan unsur dan prinsip yang selaras dengan kehendak Islam. Justeru, pendekatan *maqasidi* telah membentuk aliran pemikiran ekonomi Islam arus perdana. Hal ini disebabkan pendekatan yang diguna pakai mementingkan objektif dan tujuan semata-mata tanpa mengambil kira proses untuk membina ekonomi Islam yang sebenar.

Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa pendekatan *maqasidi* diguna pakai dalam ekonomi Islam arus perdana melalui proses Islamisasi ilmu ekonomi Islam secara separa. Proses Islamisasi ekonomi Islam dilakukan dengan pengubahsuaian terhadap beberapa komponen dalam teori konvensional kecuali prinsip asas, norma, andaian dan hipotesis dikekalkan.

Rujukan

- Ahmad, A. R. Y. (2002). A methodological approach to Islamic economics: Its philosophy, theoretical, construction, and applicability. In Habib Ahmed (Ed.), *Theoretical foundation of Islamic economics*. Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Al-‘Alim, Y. H. (1997). *Al-Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Cet. Ke-3. Al-Khartum: Dar al-Sudaniyyah.
- Al-Fayruz Abadiy. (1997). *Al-qamus al-muhit*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Ghazali, A. H. M. (1996). *Al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2000). *Kemiskinan dan cara Islam mengatasinya (Musykilat al-Fiqr wa kayfa ‘Alijuha Al-Islam)*, terj. Arsil Ibrahim. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).
- Al-Raisuni, A. (1996). *Nazariyyah al-Maqasid inda al-Imam al-Syatibi*. Riyad: Dar al-‘alamiyyah li al-Kitab al-Islami.
- Al-Syatibi. (t.t.). *Al-Muwafaqat fi usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Chapra, M. U. (2001). *What is Islamic economics*. Jeddah: IRTI.
- Hanapi, M. S. & Muhammad, M. Z. (2014). Keterhadan sumber alam dalam ekonomi Islam arus perdana: Analisis berdasarkan tasawur Islam al-Quran, dlm. Bagus Sigit Sunarko &

- Zakaria Bahari (Eds.), *Ekonomi syariah terkini: Perspektif, metodologi dan praktik*, (297-321).
- Hanapi, M. S. (2014). Tawasur ekonomi Islam. Dlm, Bagus Sigit Sunarko & Zakaria Bahari (Eds.), *Ekonomi syariah terkini: Perspektif, metodologi dan praktik*. Jember, Indonesia: Universitas Jember & Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ibn Manzur. (1993). *Lisan Al-Arab*. Jld. 11. Beirut, Lubnan: Maktabah Tahqiq Al-Turath.
- Ibn Manzur. (1993). *Lisan Al-Arab*. Jld. 7. Beirut, Lubnan: Maktabah Tahqiq Al-Turath.
- Khaf, M. (1987). Islamic economics: Notes on definition and methodology. Paper presented at *International Workshop on the Methodology of Islamic Economics*, Bayero University, Kano, Nigeria.
- Khan, M. A. (1983). *Islamic economics*. Leicester, UK: Islamic Foundation.
- Khan, M. A. (1984). Islamic economics: Nature and need. *J. Res. Islamic Econ.* 1(2), 51-55.
- Majid, M. Z. A. (2014). Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia ditinjau dari perspektif *maqāsid al-syariah*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014* di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor.
- Majid, M. Z. A. (2015). *Maqasid syariah sebagai pendekatan bagi realisasi ajaran Islam di Malaysia: Satu prospek*. Keynote speaker di International Conference on *Maqasid Shariah in Public Policy and Governance* anjuran International Institute of Advance Islamic Studies (IAIS) Malaysia.
- Majid, M. Z. A. (2016). Pendekatan *maqasidi* dalam menangani kepelbagaian aliran pemikiran hukum di Malaysia. dlm Noor Naemah Abdul Rahman, Abdul Karim Ali & Ridzwan Ahmad (Eds.), *Maqasid al-syariah: Konsep dan pendekatan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Manan, M. A. (1984). *The making of an Islamic economic society*. Cairo, Egypt: International Association of Islamic Banks.
- Manan, M. A. (1989). *Islamic economics: Theory and practice: Foundation of Islamic economics*. Kent, UK: Hodder and Stoughton.
- Mansor, M. S. & Ramli, M. A. (2016). Pendekatan *pseudo-maqasid* dalam aliran hukum Islam semasa. Dlm. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli dan Shahidra Abdul Khalil, (Eds.), *Maqasid syariah: Aplikasi dalam aspek sosial dan perundangan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Markom, R. (2003). *Apa itu undang-undang Islam: Memahami undang-undang Islam dengan lebih berkesan*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Salleh, M. S. (2014a). Aliran pemikiran ekonomi Islam dunia Melayu. *Ulum Islamiyyah Journal*, 12(June), 1-33.
- Salleh, M. S. (2014b). Nine deficiencies of mainstream Islamic economics. Dlm, Bagus Sigit Sunarko & Zakaria Bahari (Eds.), *Ekonomi syariah terkini: Perspektif, metodologi dan praktik*. Jember, Indonesia: Universitas Jember & Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Siddiqi, M. N. (1989). *Pemikiran ekonomi Islam: Suatu tinjauan penulisan semasa*. terj. Mohd. Amin Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiqi, M. N. (1998). From contemporary economics to Islamic economics. In *Today's problems, tomorrow's solutions*. Ed, Abdullah Omar Naseef, London, UK: Mansell Publishing Ltd.
- Yousri, A. R. (2002). A methodological approach to Islamic economics: Its philosophy, theoretical, construction, and applicability. In Habib Ahmed (Ed.), *Theoretical*

foundation of Islamic economics. Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.